

Headline	PKS Uniten-KPT benam juara bertahan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	59
ArticleSize	214 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,662		



PKS Uniten-KPT benam juara bertahan

KETUA jurulatih PKS Uniten-KPT, Lailin Abu Hassan menyifatkan gol awal merupakan faktor kejayaan anak-anak buahnya menewaskan juara bertahan, Pasukan Hoki Wanita Terengganu (TLHT) 4-1 dalam aksi Liga Hoki Wanita Malaysia (MWHL) di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.

Kemenangan itu membolehkan PKS Uniten-KPT menjarakkan kedudukan selaku pendahulu liga dengan kelebihan dua mata berbanding TLHT di tempat ketiga.

Ia secara tidak langsung meningkatkan moral barisan pemain PKS Uniten-KPT menjelang per-

temuan getir menentang pencahar terdekat di tempat kedua yang memungut sama 19 mata, *Blue Warriors* pada Ahad ini.

"Kelebihan kami pada aksi ini adalah kelajuan pemain berbanding TLHT. Kami berjaya meraih gol pertama seawal minit pertama walaupun TLHT bangkit menyamakan kedudukan.

"Saya yakin meraih tiga mata dan gembira kerana hasrat itu tercapai bahkan tidak menjangkakan menang dengan empat gol," katanya kepada *Kosmo!* selepas tamat perlawanan semalam.

Pada perlawanan itu, PKS Uniten-KPT membuka tirai ja-

ringan seawal minit pertama menerusi Nur Zafirah Aziz sebelum TLHT mengikat kedudukan melalui Nur Syuhada Suhaimi pada minit ke-17.

Bagaimanapun, PKS Uniten-KPT bangkit mendahului 2-1 pada suku masa kedua permainan menerusi kapten, Raja Norsharina Raja Shabuddin pada minit ke-22.

Dua gol pada suku masa terakhir menerusi Ellya Fateha Elias dan Nurul Shafizan Amran pada minit ke-48 serta ke-60 membolehkan PKS Uniten-KPT meraih kemenangan 4-1 ke atas TLHT.

Headline	PKS Uniten-KPT benam juara bertahan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	59
ArticleSize	214 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,662		



NUR ZAFIRAH (kiri) berjaya menjaringkan gol pembukaan PKS Uniten-KPT seawal minit pertama dalam aksi menentang TLHT di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.